

Dimensi Pelajar Terhadap Penggunaan Aplikasi Teknologi Maklumat Dalam Kursus Murajaah Al-Quran: Kajian Terhadap Pelajar Program Sarjana Muda Qiraat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

The Student Dimension of the Use of Information Technology Applications in the Murajaah Al-Quran Course: A Study of the Students of the Qiraat Bachelor's Program of the Islamic Sciences University of Malaysia (USIM)

Hayati Hussin^{1*}, Abdul Rahim Ahmad², Muhammad Hafiz Saleh¹, Rohana Zakaria³
Noor Hafizah Mohd Haridi⁴, Abdul Rahman Abdul Ghani⁵

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia

²Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

³Jabatan Tahfiz al-Quran Wa al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS), Malaysia

⁴Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS), Malaysia

⁵Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia

* Pengarang Koresponden: hayati.hussin@usim.edu.my

Received: 29 September 2024 | Accepted: 12 November 2024 | Published: 1 December 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2024.6.4.8>

Abstrak: Seiring dengan perkembangan semasa teknologi abad ke-21 ini, penggunaan aplikasi teknologi multimedia (ATM) dalam sektor pendidikan berpotensi untuk melahirkan pelajar yang berpengetahuan, berkemahiran serta berdaya saing. Kepelbagaiaan ATM dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran mampu melahirkan generasi al-Quran yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan ATM dalam kursus Murajaah Al-Quran bagi program Sarjana Muda Qiraat dengan kepujian. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes melalui temu bual kumpulan fokus (FGD) digunakan kerana ia menepati objektif kajian. Hasil kajian kmendapati kebanyakan pelajar menggunakan ATM dalam kursus Murajaah Al-Quran. Terdapat 27 daripada 32 orang pelajar iaitu mewakili 84% daripada jumlah keseluruhan pelajar. Adapun baki pelajar pula iaitu 5 daripada 32 orang mewakili 16% mengatakan mereka tidak menggunakan ATM. Terdapat pelbagai platform ATM yang digunakan oleh pelajar seperti Smart Quran, QuranPro, App Quran Memorization, Quran Memorization Test, Al-Quran Android, Apps dan Tarteel Di antara cabaran utama yang terpaksa dihadapi oleh pelajar menggunakan ATM ialah kekangan capaian internet, tidak fokus, lalai dan leka. ATM juga memberi impak yang positif dalam kursus murajaah al-Quran seperti mudah, membantu dan senang mengulang, Kajian ini memberi implikasi penting kepada Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti awan dan swasta serta Intitusi pengajian Tahfiz di Malaysia secara umumnya ke arah pembentukan generasi al-Quran yang lebih mantap dan berkualiti dalam menguasai hafazan al-Quran dan teknologi maklumat.

Kata kunci: Sarjana Muda Pengajian Qiraat dengan kepujian, Universiti Sains Islam Malaysia, Aplikasi Teknologi Multimedia (ATM), Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Murajaah Al-Quran

Abstract: *Along with the current development of technology in the 21st century, the use of multimedia technology applications (ATM) in the education sector has the potential to produce knowledgeable, skilled and competitive students. ATM's diversity in teaching and learning methods is capable of producing a generation of al-Quran scholars who excel in various fields. Therefore, this study aims to examine the use of ATM in the Murajaah Al-Quran course for the Bachelor of Qiraat program with honors. This study is a qualitative study in the form of a case study through focus group interviews (FGD) used because it meets the objectives of the study. The results of the study found that most students use ATMs in the Murajaah Al-Quran course. There are 27 out of 32 students representing 84% of the total number of students. As for the rest of the students, 5 out of 32 people representing 16% said they did not use ATMs. There are various ATM platforms used by students such as Smart Quran, QuranPro, App Quran Memorization, Quran Memorization Test, Al-Quran Android, Apps and Tarteel Among the main challenges that students have to face using ATMs are internet access constraints, lack of focus, default and complacent. ATM also has a positive impact on the Qur'an murajaah course such as easy, helpful and easy to repeat, This study has important implications for the University of Islamic Sciences Malaysia, public and private universities as well as Tahfiz study institutions in Malaysia in general towards the formation of the Qur'an generation which is more robust and quality in mastering the memorization of the Quran and information technology.*

Keywords: Bachelor of Qiraat Studies with honors, University of Islamic Sciences Malaysia, Application of Multimedia Technology (ATM), Teaching and Learning (PdP), Murajaah Al-Quran

1. Introduction

Sistem pendidikan di Malaysia era kini mula mengalami perubahan yang amat pesat sekali. Terdapat pelbagai inovasi diperkenal dan diaplikasi menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih mudah dan menarik. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang kreatif boleh membantu pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran manakala guru pula berjaya mencapai objektif pengajaran. Penggunaan teknologi multimedia (PTM) dalam PdP merupakan satu inovasi yang terus berkembang maju. Menurut (Chan, 2013; Chiang & Tu, 2016) inovasi berterusan terhadap bahan pengajaran dan pembelajaran dikatakan perlu bagi mempertingkatkan keberkesanan penggunaannya. Hal ini kerana, aplikasi bahan multimedia dalam proses pembelajaran mempunyai banyak kelebihan sekiranya digunakan secara betul (Ghuloum, 2010; Taylor et al., 2007), terutama dalam menarik perhatian pelajar di dalam kelas (Barkhaya & Abd Halim, 2016). Dalam konteks kajian international society for technology in education (ISTE, 2007) telah membangunkan satu piawaian iaitu national educational technology standards for students (NETS.S) agar lebih memfokus kepada aspek kemahiran dan kepakaran menggunakan teknologi masa kini demi memenuhi tuntutan pembelajaran abad ke-21 yang mengharapkan pelajar menggunakan media digital untuk berkomunikasi, berinteraksi, berkolaborasi serta berkongsi maklumat bersama rakan-rakan dengan menggunakan pelbagai media digital. Dapat dilihat disini bahawa penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat merupakan di antara kemahiran abad ke21 perlu digarap dikalangan pelajar demi memenuhi

tuntutan masa depan. Namun, guru memainkan peranan penting dalam menggarap kemahiran ini dalam diri pelajar (Che Suriani Kiflee, 2020).

Hafazan merupakan salah satu pedagogi dalam pembelajaran turut membawa maksud suatu proses mental yang menekankan pengalaman yang bermakna, menyimpan dan mengeluarkan kembali pengalaman tersebut ketika diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah (Siti Suriyani Sulaiman, 2018). Kesimpulannya hafazan membawa maksud memelihara, mengingat, menjaga, mengawal apa yang telah dipelajari daripada lupa atau rosak supaya ia tidak hilang. Berdasarkan kajian sekumpulan penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia terhadap 368 pelajar Maahad Tahfiz Kuala Lumpur dan Madrasah Quran Kubang Bujuk mendapati 13.6 % responden yang dikaji tidak berkeyakinan dapat mengekalkan hafazan mereka dan 22.0% daripada mereka bimbang tidak berjaya mengekalkan hafazan setelah tamat pengajian. (Abdul Hafiz bin Abdullah, et al. 2005) Ini bermakna 35.0% daripada 65.0% responden menghadapi masalah untuk memelihara, mengingat, menjaga, mengawal apa yang telah dihafaz daripada lupa dan hilang.

Menurut Rahil Mahyuddin, Jami'ah Mohamad dan Kasnani Ab. Karim (2000) proses hafazan mengandungi tiga peringkat. Peringkat pertama ialah perolehan, diikuti dengan peringkat pengekalan dan peringkat ketiga ialah perolehan kembali. Proses yang pertama di peringkat perolehan melibatkan proses memberikan perhatian kepada rangsangan dan mengekodkan ke dalam ingatan. Pada peringkat pengekalan pula, mengenal pasti di mana maklumat disimpan dan perolehan kembali melibatkan proses mengeluarkan maklumat daripada simpanan apabila diperlukan. Kaedah bagaimana mengingat ayat-ayat hafazan, mengekalkannya dalam tempoh yang lama atau meletakkan ayat-ayat tersebut dalam ingatan jangka panjang serta bagaimana para hafiz dan hafizah mampu mengeluarkan semula ayat-ayat yang telah dihafaz untuk disesuaikan dengan permasalahan atau kehidupan seharian amat perlu dikaji agar bertepatan dengan kehendak hafalan al-Quran itu sendiri iaitu memelihara kesucian kalamullah.

Menghafaz memerlukan kekuatan daya fikiran pada orang yang melakukannya. Dalam Bahasa Arab orang yang mempunyai daya ingatan yang kuat digelar sebagai *quwwatuz zakirah* (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2014) Kemampuan otak untuk mengingat sesuatu yang dihafaz adalah sangat menakjubkan. Otak manusia hanya seberat sekitar satu kilogram mempunyai satu trilion neuron (sel otak). Purata manusia menggunakannya hanya 0.0001% bahkan kurang, daripada jumlah kapasiti otak yang sebenar. Otak manusia dibahagikan kepada neocortex, Limbic System dan Reptilian Complex. Ingatan manusia terletak dalam serebrum (otak besar) iaitu bahagian yang menutupi permukaan yang disebut neocortex. Neocortex ini merupakan bahagian yang digunakan untuk berfikir, berbicara, mendengar dan mencipta. Ia mempunyai dua bahagian fisiologi iaitu otak kiri dan kanan. Jika kedua-dua fungsi ini dioptimumkan serentak maka ingatan atau hafazan akan menjadi ingatan jangka panjang. (Irwan Widiatmoko, t.t.). Berdasarkan huraian bahagian neocortex otak, maka hafazan boleh dibahagi kepada tiga peringkat iaitu hafazan serta merta, hafazan jangka pendek yang kebiasaannya melibatkan bahagian kiri. Manakala bahagian ketiga adalah hafazan jangka panjang yang melibatkan fungsi optimum dan bersepadu antara otak kiri dan kanan. Hafazan serta merta boleh kekal dalam dua saat atau kurang daripada itu, hafazan jangka pendek boleh kekal dalam beberapa minit, jam dan hari sementara hafazan jangka panjang boleh menyimpan semua maklumat yang telah dialami semenjak lahir lagi (Ab. Fatah Hasan, 1994). Menurut Schunk D.H, hafazan mempunyai beberapa jenis iaitu hafazan jangka pendek dan hafazan jangka panjang. Hafazan jangka pendek mempunyai ciri kapasiti terhad, masa yang singkat dan separuh sadar. Hafazan jangka panjang adalah mempunyai kapasiti yang tidak terhad, penyimpanan kekal dan maklumatnya akan teraktif apabila digerakkan dan ianya terdiri daripada empat jenis.

Pertamanya, hafazan episodic iaitu mengingat semula sesuatu kejadian yang pertama kali berlaku dan bermakna kepada diri sendiri. Kedua, hafazan semantic melibatkan pengumpulan pengetahuan tentang perkataan, konsep dan makna yang tersimpan secara jangka panjang. Ketiga, hafazan prosedur iaitu mengingat semula urutan perkara yang tersimpan dalam ingatan jangka panjang dan akhir sekali hafazan visual adalah hafazan terhadap maklumat yang dikodkan dalam bentuk gambar, imej dan pemandangan. (Schunk D.H, 1996). Mengikut Mu'jam al-'Arabi al-Asasi, perkataan hafaz bermaksud menjaga sesuatu dan mengawalinya daripada hilang (Ahmad al-'Ayyid & Dawud 'Abduh, 1989).

Justeru dapatlah disimpulkan bahawa murajaah al-Quran memerlukan pendekatan-pendekatan tertentu bagi menjamin kualiti dan pengekalannya yang berpanjangan. Sesuai dengan perkembangan teknologi semasa yang menawarkan pelbagai medium, ia sewajarnya dimanipulasi agar objektif hafazan dan pengulangan al-Quran dapat dijayakan. Penggunaan teknologi dalam pendidikan tahfiz membawa kepada penambahbaikan dalam kaedah hafazan para huffaz. Kepelbagaian dan perubahan ini berpotensi membentuk generasi masa depan yang lebih kreatif, inovatif dan berkualiti agar dapat menyesuaikan diri dengan arus globalisasi yang dibawa oleh teknologi moden.

2. Objektif Kajian

Di antara objektif kajian ini ialah:

- i. Mengkaji penggunaan aplikasi teknologi maklumat dalam kursus Murajaah Al-Quran.
- ii. Menganalisis penggunaan aplikasi teknologi maklumat yang diaplikasikan dalam kursus Murajaah Al-Quran.
- iii. Mencadangkan penggabungan sistem tradisional dan kontemporari dalam kursus Murajaah Al-Quran di USIM.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes. Kajian kes dipilih kerana ia dapat menghuraikan satu kes atau fenomena tertentu iaitu aspek penggunaan aplikasi teknologi maklumat di kalangan pelajar yang mengikuti program Sarjana Muda Pengajian Qiraat di Universiti Sains Islam Malaysia. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan iaitu sampel yang dipilih dapat memberikan banyak maklumat serta dapat membantu menjawab persoalan kajian (Patton, 1987). Sampel yang dipilih terdiri daripada pelajar sarjana muda di Universiti Sains Islam Malaysia. Seramai 32 orang pelajar terlibat sebagai peserta kajian yang dapat membantu memberikan maklumat yang banyak tentang kajian ini (Creswell, 2003). Metode Pengumpulan Data Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah bentuk temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen.

Pertama: Temubual

Temubual dalam kajian ini adalah Temu Bual Kumpulan Fokus (FGD). Temubual kumpulan fokus (FGD) merupakan teknik pengumpulan data yang baik dalam penyelidikan kualitatif. Kaedah perbincangan FGD merupakan kaedah kualitatif yang popular. FGD ini dijalankan secara individu kepada 32 orang pelajar sebagai peserta melalui edaran google form. Masa yang diperlukan untuk menjawab soalan kajian yang diedarkan antara 5 hingga 10 minit. Setiap sesi temu bual yang dijalankan akan dikodkan sebagai (TB), diikuti dengan kod pelajar USIM (PQU). Adapun pengajaran dan pembelajaran dikodkan sebagai (PdP).

Kedua: Kaedah Pemerhatian

Pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian di dalam kajian yang dilakukan ini. kaedah pemerhatian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pemerhatian secara terus (Direct observation) dan Pemerhatian melalui penglibatan (Participant-observation). Kaedah pemerhatian secara terus ini melibatkan pemerhatian secara langsung seperti pengiraan jumlah pelajar yang terlibat dalam PdP murajaah al-Quran di USIM. Teknik ini biasanya tidak melibatkan komunikasi dengan manusia. Kaedah pemerhatian melalui penglibatan pula berasal dari bidang antropologi (kajian tentang kehidupan masyarakat). Pengkaji juga terlibat dengan tenaga pengajar dan pelajar yang terlibat dengan PdP murajaah al-Quran di USIM.

Ketiga: Analisis Dokumen

Pengkaji akan menggunakan analisis secara tematik bagi mengenalpasti tema-tema dokumen yang terdapat dalam transkripsi temu bual (Lebar, 2009). Untuk mengenalpasti tema bagi dimensi pelajar terhadap penggunaan aplikasi teknologi maklumat dalam kursus murajaah al-Quran: analisis terhadap pelajar program Sarjana Muda Pengajian Qiraat di Universiti Sains Islam Malaysia, pengkaji akan menentukan berdasarkan soalan temu bual yang dikemukakan kepada peserta kajian. Seorang pakar kualitatif dalam bidang Tahfiz al-Quran dan juga seorang pakar teknologi maklumat juga telah dilantik untuk menjadi interater terhadap tema yang dibina.

4. Dapatan Kajian

Analisis dan perbincangan ini memaparkan hasil penemuan kajian berdasarkan temu bual kumpulan berfokus (FGD) yang dijalankan terhadap 32 orang pelajar program Sarjana Muda Pengajian Qiraat di Universiti Sains Islam Malaysia. Dapatan ini telah ditranskripsi daripada soalan-soalan temubual kumpulan fokus (FGD), dikenalpasti tema-tema yang terdapat di dalam temu bual dan laporan berdasarkan kepada data-data yang diperolehi. Terdapat tiga tema yang menjadi asas kepada analisis penggunaan aplikasi teknologi maklumat di kalangan pelajar Sarjana Muda Pengajian Qiraat di Universiti Sains Islam Malaysia.

Tema Pertama: Kaedah Murajaah al-Quran

Berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 32 orang pelajar terdapat beberapa kaedah murajaah al-Quran yang telah diaplikasikan. Kepelbagaian kaedah yang digunakan merupakan satu usaha yang berterusan bagi memastikan hafazan tetap terus kekal dalam ingatan. Tema kaedah murajaah al-Quran ini berdasarkan daripada respon pelajar terhadap temubual yang dijalankan. Maklum balas ini dikategorikan berasaskan persepsi yang dinyatakan oleh pelajar adalah seperti berikut iaitu: [i] Kaedah Traditional [ii] Kaedah Kontemporari.

i. Kaedah Traditional

Pelajar program Sarjana Muda Qiraat di USIM lebih banyak menggunakan kaedah traditional di dalam kursus murajaah al-Quran. Kebanyakan mereka akan murajaah dengan menggunakan mushaf al-Quran. Kaedah talaqqi dan musyafahah juga turut diaplikasikan.

Jadual 1: Kaedah Murajaah Traditional

Kaedah Traditional	Dapatan kajian
Menggunakan Mushaf	PQU14“...saya menggunakan kaedah tradisional, menggunakan mushaf ...” PQU19 “... saya biasa mengulang al-Quran menggunakan al-Quran sahaja ...”
Talaqqi musyafahah	PQU18“...mengulang bersama kawan ...” PQU28 “...Ngulang je ayat tu pastu kalau sempat tasmik ngn kawan tasmiklah, kalau tak erm gtu je...”

ii. Kaedah Kontemporari

Pelajar program Sarjana Muda Qiraat di USIM juga menggunakan kaedah kontemporari di dalam kursus murajaah al-Quran. Terdapat beberapa orang pelajar membuat murajaah dengan mendengar bacaan daripada qari-qari di youtube dan audio. Selain daripada itu mereka juga membuat murajaah al-Quran dengan menggunakan MP3 dan website.

Jadual 2: Kaedah Murajaah Kontemporari

Kaedah Kontemporari	Dapatan kajian
Mendengar Youtube dan audio	PQU9“... mendengar youtube...” PQU27 “... Dengar audio bacaan al-Quran ...”
Mendengar MP3 dan website	PQU12“... dengar mp3 ..” PQU10 “... Saya menggunakan website Noble Quran dan audio sheikh arab sebagai medium murajaah ...”

Tema Kedua: Penggunaan Aplikasikan Teknologi Maklumat

Berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 32 orang pelajar terdapat kepelbagaian penggunaan aplikasi teknologi maklumat yang digunakan dalam kursus murajaah al-Quran. Kepelbagaian medium aplikasikan teknologi multimedia menunjukkan terdapat pelbagai alternatif yang boleh digunakan ketika murajaah al-Quran. Maklum balas ini dikategorikan berasaskan persepsi yang dinyatakan oleh pelajar adalah seperti berikut iaitu: [i] Platform Aplikasi Teknologi Maklumat [ii] Kekangan Aplikasi Teknologi Maklumat

i. Platform Aplikasi Teknologi Maklumat

Terdapat pelbagai platform aplikasi teknologi maklumat yang digunakan oleh pelajar program Sarjana Muda Qiraat di USIM dalam kursus murajaah al-Quran. Di antara platform berikut ialah Smart Quran, QuranPro, App Quran Memorization, Quran Memorization Test, Al-Quran Android, Apps Tarteel dan lain-lain lagi.

Jadual 3: Platform Aplikasi Teknologi Maklumat

Platform Aplikasi	Dapatan kajian
Smart Quran, QuranPro, App Quran Memorization	PQU2“... Smart Quran ...” PQU3 “... QuranPro...” PQU10“... App Quran Memorization ...”
Apps Tarteel	PQU16“... Apps Tarteel ...” PQU26 “... aplikasi al-Quran dan Tarteel ...”

ii. Kekangan Aplikasi Teknologi Maklumat

Berdasarkan respon daripada pelajar program qiraat di USIM kepada pernyataan berhubung kekangan ATM dalam pembelajaran kursus murajaah al-Quran. Kebanyakan pelajar bersetuju bahawa penggunaan ATM ini senang, mudah, dan membantu. Walaubagaimanapun, mereka mengakui masih terdapat kekangan dan halangan yang perlu ditangani terutamanya isu berkaitan capaian internet. Pelajar juga kurang fokus dan tidak berdisiplin ketika membuat murajaah al-Quran. Selain daripada itu pelajar juga akan lalai dan leka dengan app-app hiburan yang lain.

Jadual 4: Kekangan Aplikasikan Teknologi Multimedia

Kekangan Aplikasi	Dapatan kajian
Capaian internet, tidak fokus, tidak berdisiplin	PQU2“... Smart Quran ...” PQU3 “... QuranPro...” PQU10“... App Quran Memorization ...”
Lalai, leka	PQU16“... Apps Tarteel ...” PQU26 “... aplikasi al-Quran dan Tarteel ...”

Tema Ketiga: Impak Aplikasi Teknologi Maklumat

Berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 32 orang pelajar kebanyakan pelajar menyatakan bahawa terdapat beberapa kekangan terhadap ATM dalam pembelajaran kursus murajaah al-Quran. Tema impak ini berdasarkan daripada respon pelajar terhadap temubual yang dijalankan. Maklum balas ini dikategorikan berasaskan persepsi yang dinyatakan oleh pelajar adalah seperti berikut iaitu: [i] Impak positif ATM [ii] Impak negatif ATM

ii. Impak Positif Aplikasi Teknologi Maklumat

Kepelbagaian platform aplikasi teknologi maklumat menjadikan kursus murajaah al-Quran lebih menarik. Alunan-alunan yang merdu daripada qari-qari yang terkenal seperti Abdul Rahman al-Sudais, Mishary Rashid al-Afasy, Saad al-Ghamidi dan lain-lain dapat didengari dan dihayati. Melalui pelbagai platform aplikasi teknologi maklumat menjadikan murajaah al-Quran lebih mudah dan berkesan serta dapat didengari pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Jadual 5: Kesan Aplikasi Teknologi Maklumat

Kesan Aplikasi	Dapatan kajian
Senang mengulang, mudah	PQU2“... senang mengulang...” PQU6 “... mudah untuk dicapai ...” PQU20 “... Memudahkan untuk saya murajaah Al-Quran dimana sahaja dan pada bila-bila masa...”
Membantu,	PQU19“... dapat membantu saya mengulang al-Quran dengan mudah tanpa perlu membawa naskhah al-Quran. jadinya saya dapat mengisi masa lapang dengan mengulang al-Quran.” PQU17 “... sangat sangat membantu kerana saya boleh dengar bacaan qari berulang kali...”

ii. Impak Negatif Aplikasikan Teknologi Multimedia

Berdasarkan respon pelajar program qiraat di USIM kepada pernyataan berhubung kesedaran penggunaan ATM dalam pembelajaran kursus murajaah al-Quran. Terdapat pelajar yang senang terpengaruh dengan media sosial. Jika pelajar tidak mempunyai disiplin yang tinggi kepelbagaian aplikasi teknologi maklumat memberikan akan memberikan kesan yang negatif. Pelajar juga merasa terganggu ketika membuat murajaah al-Quran.

Jadual 6: Kesedaran Penggunaan Aplikasikan Teknologi Multimedia

Pengaruh Penggunaan ATM	Dapatan kajian
Terpengaruh	PQU5“... mendengar youtube...” PQU27 “... Dengar audio bacaan al-Quran ...”
Terganggu	PQU12“... dengar mp3 ..” PQU10 “... Saya menggunakan website Noble Quran dan audio sheikh arab sebagai medium murajaah ...”

Penggunaan aplikasi teknologi maklumat telah mula digunakan dalam PdP Murajaah al-Quran di USIM. Medium ini digunakan dengan lebih meluas semasa wabak Covid-19. Terdapat tiga tema utama yang menjadi asas kepada analisis ATM di kalangan pelajar di USIM. Tema-tema tersebut ialah kaedah murajaah al-Quran, Penggunaan ATM dan impak ATM terhadap kursus murajaah al-Quran. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan kebanyakan pelajar menggunakan ATM dalam kursus Murajaah al-Quran. Pernyataan ini disokong dengan dapatan FGD bersama pelajar iaitu terdapat 27 daripada 32 orang pelajar iaitu mewakili 84% daripada jumlah keseluruhan pelajar. Adapun baki pelajar pula iaitu 5 daripada 32 orang mewakili 16% mengatakan mereka tidak menggunakan ATM. Terdapat pelbagai platform ATM yang digunakan oleh pelajar USIM di antaranya ialah Smart Quran, QuranPro, App Quran Memorization, Quran Memorization Test, Al-Quran Android, Apps Tarteel dan lain-lain lagi. Berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 20 orang pelajar kesemua peserta kajian

menyatakan bahawa terdapat beberapa cabaran yang terpaksa dihadapi oleh mereka apabila kursus murajaah al-Quran ini menggunakan medium ATM. Di antara cabaran utama yang terpaksa dihadapi oleh pelajar ialah kekangan capaian internet tidak fokus, lalai dan leka. Pernyataan ini disokong dengan dapatan FGD bersama pelajar iaitu terdapat 30 daripada 32 orang pelajar iaitu mewakili 94% daripada jumlah keseluruhan pelajar. Adapun baki pelajar pula iaitu 2 orang mewakili 6% mengatakan tiada kekangan menggunakan ATM dalam kursus Murajaah al-Quran.

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan terdapat kelebihan dan kekurangan terhadap penggunaan ATM di dalam PdP bagi kursus Murajaah al-Quran yang di tawarkan di USIM. Di antara kelebihan berdasarkan FGD yang dilakukan bersama pelajar Sarjana Muda Pengajian Qiraat dengan kepujian di USIM ialah menjadikan kursus qiraat lebih mudah dan senang. Faktor kekangan yang paling utama yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah capaian internet, disiplin lalai dan leka. Isu seperti ini perlu diatasi dengan lebih bijak. Pelaksanaan PdP melalui ATM amat memerlukan kesabaran yang tinggi dari pihak pelajar, pensyarah, dan ibubapa. Pelaksanaan PdP secara berterusan perlu dilaksanakan dengan pelbagai alternatif walau dalam apa situasi bagi memastikan proses PdP kursus Murajaah al-Quran tetap efektif. Proses ini memerlukan kerjasama dari semua pihak iaitu pelajar, pensyarah, dan ibubapa. Penggunaan medium aplikasi teknologi maklumat perlu dilihat dari sudut yang positif kerana PdP yang dijalankan lebih bersifat sendiri yang perlu kepada disiplin yang tinggi bagi pelajar menguasai hafazan. Selain daripada itu, Kajian ini mempunyai beberapa impak besar yang dapat digarapkan kepada beberapa elemen utama iaitu kajian ini dapat membantu pihak USIM di dalam menjamin tahap penguasaan hafazan di kalangan pelajar. Selain daripada itu kajian ini juga dapat memberi nilai tambah kepada para penyelidik dan mengembangkan penyelidikan mereka hasil kolaborasi ilmu di antara pelbagai bidang kepakaran, sekaligus dapat menghasilkan penyelidikan yang lebih berkualiti dan dapat meningkatkan kualiti kehidupan manusia. Kajian ini juga dapat memberi impak yang besar ke arah memperkasakan dasar pendidikan tahfiz Negara (DTPN). Pembelajaran secara Hibrid di dalam PdP Murajaah al-Quran ini juga dapat melahirkan para huffaz yang berkualiti dari sudut penguasaan hafazan bagi memenuhi aspirasi negara. Kajian ini turut menyediakan rangka penambahbaikan kepada cara yang lebih efektif di dalam PdP murajaah al-Quran untuk di gunapakai oleh institutusi-intitusi pendidikan tahfiz di Malaysia.

Penghargaan

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) kerana telah meluluskan dan membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang bertajuk: Model Baharu Ulangan Hafazan Al-Quran Efisien Berdasarkan Hadis Nabawi Melalui Pendekatan Motivasi Intrinsik Dan Extrinsik Ke Arah Pembentukan Huffaz Rabbani. Kod Penyelidikan (Ref: FRGS/1/2022/SSI13/USIM/02/5)

Rujukan

- Siti Suriyani Sulaiman. "Kaedah Hafazan : Suatu Tinjauan Ringkas." *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, vol.2 (2018) 44-59.
- Mohd Khairulnizam Ramlie, Ahmad Zamzuri Mohamad Ali dan Muhammad Ihsan Rokeman. "Pengalaman Pelajar (LX) Pelbagai Peringkat Umur Terhadap Penggunaan Teknologi Tutor Hologram." *Jurnal Pertanika*, 30(2), (2022) 779-796.
- Walker, R. A. "Holograms as teaching agents." *Journal of Physics: Conference Series*, 415(1), (2013). 1-5.

- Chiang, Y., & Tu, J. "The influence of design strategy of peer learning on 3-D software learning." *EURASIA Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 12(5), (2016) 1263-1271.
- Ahmad al-'Ayyid & Dawud 'Abduh. "al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi. Al-Munazimah al-'Arabiyya Al-Ahwany." (1989).
- Ahmad Fuad. "al-Tarbiyah Fi al-Islam. " Qaherah: Dar al-Ma'arif al-Halaby. (1983).
- Ab. Fatah Hasan, "Penggunaan Minda Yang Optimum Dalam Pembelajaran." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. (1994).
- Irwan Widiatmoko "Teknik Meningkatkan Daya Ingatan Anda." Kuala Lumpur: Synergi Media. (t.t).
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, "Hebatnya Kuasa Hafazan." Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn. Bhd. (2014)
- Schunk D.H. "Learning Theories." Second edition. New Jersey. USA: Prentice Hall, Inc. (1996).
- Othman Lebar, "Penyelidikan Kualitatif." Univision Press Sdn.Bhd., Selangor. (2012).
- Abdul Hafiz bin Abdullah, Hussin Saloman, Azmi Shah Sutratman, Sulaiman Shakib Mod Noor, Kamarul Azmi Jasmi dan Abdul Basit Samat, "Kajian Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Qur'an yang Efektif: Satu Kajian di Negeri Selangor dan Terengganu. " Selangor. (2005).
- Taylor, M., Duffy, S., & Hughes, G. "The use of animation in higher education teaching to support students with dyslexia. " *Education + Training*, 49(1), (2007). 25-35.
- Rahil Mahyuddin, Jami'ah Mohamad dan Kasnani Ab. Karim "Kajian Terhadap Prinsip Asas Dan Metodologi Hafazan Al-Quran. " (2000).
- Barkhaya, N. M., & Abd Halim, N. D. "A review of application of 3D Hologram in Education: A meta-analysis." IEEE 8th International Conference on Engineering Education (ICEED), Kuala Lumpur, Malaysia. (2016).
- Ghuloum, H. (2010). 3D hologram technology in learning environment. Proceedings of the 2010 InSITE Conference, 693-704
- Chan, C. K, "Use of animation in engaging teachers and students in assessment in Hong Kong higher education." *Innovations in Education and Teaching International*, 52(5), (2013). 474-484.